



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA  
*Malaysian Examinations Council*



2024

LAPORAN  
PEPERIKSAAN

STPM

Tahfiz Al-Quran (932)



## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 178 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 76.97% daripadanya telah lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	15.91	6.25	10.32	15.91	11.93	6.25	10.49	4.41	0.57	6.82	11.24

## RESPONS CALON

### *Komen am*

Calon menunjukkan prestasi lebih baik dalam Bahagian B berbanding Bahagian A. Sebahagian calon tidak mampu menjawab semua soalan dalam Bahagian A. Secara keseluruhan, prestasi calon dalam kertas Tahfiz al-Quran adalah baik, namun calon perlu lebih berusaha untuk memastikan prestasi jawapan dalam kedua-dua bahagian adalah baik.

### *Komen soalan demi soalan*

#### **BAHAGIAN A: Hifz al-Quran**

##### **Soalan 1**

Soalan 1(a) dan 1(b) meminta calon menulis satu ayat sebelum surah al-Nisa' ayat 159 serta menyambung dua ayat selepasnya. Sebahagian calon dapat menjawab dengan baik memandangkan ayat tersebut berada pada awal muka surat juzuk 6. Namun, terdapat juga calon yang tidak dapat menjawab dengan baik kerana ayat itu terletak di pertengahan muka surat, menyebabkan mereka kurang mengingatnya.

##### **Soalan 2**

Soalan 2(a) menghendaki calon menulis satu ayat lengkap dari permulaan juzuk 7. Kebanyakan calon dapat menjawab dengan baik kerana aras soalan ini mudah dan lokasinya jelas di awal juzuk. Walau bagaimanapun, masih terdapat sebilangan calon yang gagal memberikan jawapan yang tepat. Soalan 2(b) pula meminta calon menyempurnakan ayat 102 dari surah al-An'am dan menyambung dua ayat selepasnya. Hanya sebilangan kecil calon yang berjaya menjawab dengan baik, manakala majoriti calon memberikan jawapan yang tidak lengkap kerana kesukaran mengingati ayat di muka surat terakhir juzuk 7.

### Soalan 3

Bagi Soalan 3(a), calon diminta menyempurnakan ayat pertama surah al-Anfal. Umumnya, calon dapat menjawab dengan baik dan memperoleh markah penuh kerana ayat ini mudah dan sering menjadi pilihan. Namun begitu, sebilangan kecil calon melakukan kesalahan dari segi ejaan serta penulisan huruf, seperti menulis فاتقوا sebagai واتفوا dan ورسوله sebagai والرسول. Soalan 3(b) memerlukan calon menyempurnakan ayat 17 surah al-Anfal dan menyambung satu ayat selepasnya. Ramai calon tidak dapat menjawab dengan sempurna mengikut skema pemarkahan yang ditetapkan, malah ada yang menyambung pada surah yang ain.

### Soalan 4

Soalan 4 yang melibatkan lima sub-soalan daripada surah al-Taubah, ayat 14, ayat 32, dan ayat 43 menunjukkan kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan dengan tepat. Ini disebabkan kedudukan ayat-ayat yang memerlukan calon mempunyai daya ingatan yang kuat terhadap permulaan muka surat dalam surah tersebut. Hanya sebilangan kecil calon memilih untuk menjawab soalan ini dan berjaya memberikan jawapan yang betul. Antara kesilapan yang dikenal pasti ialah calon tertukar ayat atau kalimah dengan surah yang lain. Soalan ini dikategorikan pada aras sederhana dan calon sukar untuk memperoleh markah penuh.

## BAHAGIAN B: *Maharat al-Qiraat*

### Soalan 5

Soalan 5(a) meminta calon memperihalkan biodata Imam Hamzah al-Kufi dan dijawab dengan baik oleh kebanyakan calon kerana ia bersifat umum dan mempunyai banyak sumber rujukan. Soalan 5(b) menghendaki calon menjelaskan cara bacaan riwayat Khallad bagi kalimah-kalimah yang menjadi perselisihan dalam surah al-Fatihah. Calon berjaya menjawab dengan baik berdasarkan pemahaman mereka terhadap bacaan tersebut. Dalam soalan 5(c), calon diminta membezakan dua bacaan antara perawi Imam Hamzah. Sebahagian calon menunjukkan kefahaman yang baik, namun masih ada calon yang gagal menyatakan perbezaan *manhaj* antara kedua-dua perawi dengan tepat.

### Soalan 6

Soalan 6(a) menghendaki calon menyatakan dua orang imam dari Basrah bersama perawinya. Soalan ini dijawab dengan baik oleh majoriti calon yang dapat menyebut nama imam dan perawi dengan tepat. Soalan 6(b) meminta calon menjelaskan tentang khilaf bacaan bagi *qurra' asyarah* pada hukum *mad munfasil*. Calon umumnya dapat menjawab dengan betul, walaupun terdapat segelintir yang memberikan jawapan yang kurang tepat. Soalan 6(c) menghendaki calon mengemukakan contoh serta membezakan dua cara bacaan antara riwayat al-Duri Abu 'Amru dan riwayat al-Duri al-Kisa'i. Sebahagian calon dapat memberikan jawapan yang baik, manakala selebihnya keliru atau tidak menyatakan perbezaan dengan jelas.

### Soalan 7

Soalan 7(a), calon dikehendaki memberikan dua cara bacaan bagi riwayat Warsy dalam surah al-Insan, ayat 1. Majoriti calon menjawab dengan baik dan memperoleh markah penuh. Namun, sebahagian kecil calon tidak mendapat markah penuh kerana memberikan jawapan yang tidak lengkap. Soalan 7(b) meminta calon memperihalkan biodata Imam Ibnu Kathir dan cara bacaan *mad munfasil* menurut

beliau. Soalan ini adalah pada aras mudah dan dijawab dengan baik oleh majoriti calon. Hanya sebilangan kecil calon yang tidak dapat menyatakan maklumat lengkap mengenai imam serta cara bacaannya. Soalan 7(c) adalah sukar bagi kebanyakan calon kerana mereka tidak dapat mengingati riwayat yang membaca dengan bacaan *imalah*, *taqlil* dan *fathah*. Ramai yang hanya menjawab satu aspek sahaja dan tidak menyebut semua riwayat yang diperlukan.

### **Soalan 8**

Soalan 8(a) menghendaki calon memperihalkan biodata Imam Nafi'. Majoriti calon dapat menjawab soalan dengan baik kerana soalan ini juga berada pada aras mudah. Sebahagian kecil calon gagal menyatakan maklumat lengkap mengenai imam tersebut. Soalan 8(b) agak sukar dan menyebabkan calon sukar membezakan bacaan *qurra'* *asyarah*. Kebanyakan calon tidak menjawab mengikut skema yang menekankan bacaan tanpa huruf *alif* selepas huruf *nun* serta *tasydid* pada huruf *fa*. Soalan 8(c) calon diminta membezakan *manhaj* bacaan antara riwayat Qalun dan riwayat Warsy. Soalan ini dijawab dengan baik oleh ramai calon yang dapat memberikan contoh yang sesuai dan tepat. Namun, terdapat juga calon yang keliru tentang *manhaj* riwayat dan hanya menyebut persamaan, bukan perbezaan.

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 169 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 84.62% daripadanya telah lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	24.85	13.02	7.69	11.24	14.20	8.28	5.34	1.77	1.78	2.37	9.47

## RESPONS CALON

### *Komen am*

Secara umumnya, pencapaian calon berada pada tahap yang baik. Calon yang menguasai fakta dapat menjawab soalan dengan tepat, manakala soalan berbentuk aplikasi yang memerlukan perkaitan antara contoh dan kaedah masih menjadi cabaran kepada calon yang lemah. Calon yang cemerlang pula dapat menjawab soalan-soalan ini dengan baik dan memperoleh markah yang tinggi. Kebanyakan calon memilih untuk menjawab soalan 1, 2, dan 3 dalam Bahagian A, soalan 5 dan 7 dalam Bahagian B, serta soalan 8 dan 10 dalam Bahagian C. Walau bagaimanapun, terdapat calon yang tidak menjawab langsung soalan dalam Bahagian A atau hanya menjawab satu bahagian sahaja daripada tiga bahagian yang perlu dijawab. Keadaan ini menyebabkan calon kehilangan banyak markah kerana jawapan yang diberi tidak mencukupi. Dari segi kekuatan dan kelemahan, calon berada pada tahap sederhana dalam menjawab ayat hafazan al-Quran. Ramai yang gagal mengingat dan menulis ayat dengan tepat, serta tidak mengemukakan hujah atau contoh yang sesuai. Kekeliruan dalam menjawab soalan berbentuk fakta dan kekurangan contoh yang tepat turut menyumbang kepada pengurangan markah.

### *Komen soalan demi soalan*

#### **BAHAGIAN A: Hifz al-Quran**

##### **Soalan 1**

Soalan 1(a), calon diminta menyambung dua ayat surah al-Kahfi, iaitu selepas ayat 107 dengan menggunakan *al-Rasm al-Uthmani*. Kebanyakan calon berjaya menjawab soalan dengan baik kerana kedudukan ayat tersebut mudah dikenal pasti. Ini menunjukkan penguasaan hafazan calon yang memuaskan. Soalan 1(b), hanya segelintir calon dapat menjawab dua ayat surah Maryam, selepas ayat 39 dengan tepat. Ramai calon tidak mengingat ayat tersebut, malah ada yang menyalin semula soalan atau tidak langsung menjawab soalan. Ini menunjukkan kelemahan calon dalam hafazan atau kurang pendedahan terhadap ayat berkenaan.

## Soalan 2

Soalan 2(a) melibatkan dua ayat dari awal Juzuk 17. Soalan ini dianggap mudah dan ramai calon memberikan jawapan yang tepat dan ini mencerminkan hafazan yang kukuh. Sebaliknya, prestasi calon bagi soalan 2(b) yang meminta calon menyambung surah al-Hajj ayat 30, adalah agak lemah. Ramai calon tidak dapat menjawab dengan betul, walaupun ada segelintir yang berjaya memperoleh markah penuh. Hal ini mungkin disebabkan ayat tersebut terletak di bahagian pertengahan yang kurang diberi perhatian.

## Soalan 3

Soalan 3(a), calon diminta menulis empat ayat sebelum ayat 5, surah al-Mu'minin. Kebanyakan calon memberikan jawapan yang baik, namun ada yang keliru dengan ayat *mutasyabihat* lalu menyusun ayat dengan salah. Manakala soalan 3(b) yang meminta dua ayat sambungan selepas ayat 5, juga dijawab dengan baik oleh majoriti calon, walaupun terdapat segelintir yang tidak menguasai sambungan ayat sepenuhnya.

## Soalan 4

Soalan 4(a), calon perlu menulis satu ayat dari awal juzuk 20. Hanya sedikit calon yang memilih soalan ini dan menjawab dengan betul, mungkin kerana ayat ini terletak di penghujung sukatan hafazan. Soalan 4(b) yang meminta dua sambungan ayat selepas ayat 77, surah al-Naml juga tidak dijawab dengan baik oleh majoriti calon disebabkan kesukaran mengingat ayat tersebut. Begitu juga dengan soalan 4(c) yang meminta satu sambungan ayat selepas ayat 19, surah al-'Ankabut, iaitu ramai calon tidak memilih soalan ini kerana ayatnya sukar dihafaz dan berada di bahagian akhir sukatan.

## BAHAGIAN B: *Maharat al-Rasm*

### Soalan 5

Soalan 5(a) calon diminta menyatakan maksud *al-Ibdal* dalam kaedah penulisan *al-Rasm al-Uthmani*. Majoriti calon menjawab dengan baik dan tepat. Namun sebilangan kecil memberikan jawapan yang salah seperti “menghilangkan sesuatu perkataan kepada perkataan lain”. Jawapan sepatutnya ialah *al-Ibdal* iaitu menukarkan sesuatu huruf kepada huruf yang lain. Bagi soalan 5(b) calon diminta mengemukakan empat kaedah *al-Ibdal* berserta contoh. Majoriti calon menjawab dengan baik, namun sebilangan kecil calon gagal memberikan contoh yang betul menyebabkan mereka kehilangan markah maksimum. Jawapan sepatutnya adalah seperti berikut:

1. Ibdal huruf *alif* kepada huruf *wau* — (الصلوة)
2. Ibdal huruf *alif* kepada huruf *ya* — (الهدى)
3. Ibdal huruf *nun* kepada huruf *alif* — (وليكونا)
4. Ibdal huruf *ta marbutah* kepada *ta maftuhah* — (رحمت)
5. Ibdal huruf *wau* kepada huruf *alif* — (الصف)

### Soalan 6

Soalan 6(a) calon diminta menyatakan perbezaan pada tulisan dan bacaan dalam *al-Rasm al-Uthmani* berserta dua contoh. Majoriti calon tidak menjawab soalan ini atau memberikan jawapan yang menyimpang dari skema jawapan seperti kaedah *al-Hazf* dan *al-Ziyadah*. Jawapan sepatutnya,

perbezaan pada tulisan dan bacaan ialah sesuatu kalimah yang ditulis berbeza pada setiap *mushaf* berpandukan wajah *qiraat*.

Kalimah (وقالوا اتخذ الله ولدا) pada firman Allah SWT

Kalimah (وأوصى بها إبراهيم) pada firman Allah SWT

Soalan 6(b), calon diminta menjelaskan perbezaan antara *al-Hazf al-Isyarah*, *al-Hazf al-Ikhtisar*, dan *al-Hazf al-Iqtisar*. Majoriti calon tidak menjawab dengan baik, hanya menyatakan maksud umum tanpa menjelaskan perbezaan. Jawapan sepatutnya:

- *Al-Hazf al-Isyarah*: *Hazaf* kerana bacaan bertepatan dengan sebahagian *qiraat* seperti huruf *alif* selepas *wau* dalam (وعدنا).
- *Al-Hazf al-Ikhtisar*: *Hazaf* untuk meringkaskan, seperti huruf *alif* dalam *jama' muzakkar salim* (بالصلحين) dan *jama' muannas salim* (والمسلمات).
- *Al-Hazf al-Iqtisar*: *Hazaf* pada kalimah tertentu sahaja, seperti (كتب) yang di*hazafkan* *alif* selepas *ta* di sesetengah tempat.

### Soalan 7

Soalan 7(a), calon diminta menerangkan maksud *al-Fasl wa al-Wasl* berserta dua contoh. Majoriti calon tidak menjawab dengan baik dan hanya memberi contoh kalimah terputus. Jawapan sepatutnya, *al-Fasl wa al-Wasl* ialah memutuskan atau menyambung sesuatu kalimah kepada kalimah yang lain.

Contoh kalimah:

(أَمَّ مَنْ) dan (أَمَّنْ)

(أَنَّ) dan (أَنَّ)

Soalan 7(b), calon diminta membezakan antara *al-Rasm al-Uthmani* dan *al-Rasm al-Qiyasi*. Majoriti calon menjawab tidak tepat kerana calon hanya menyenaraikan kaedah. Jawapan sepatutnya adalah:

- *Al-Rasm al-Uthmani* ialah tulisan *mashaf* yang disepakati pada zaman Saiyidina Uthman ra.
- *Al-Rasm al-Qiyasi* ialah tulisan berdasarkan ejaan biasa.
- *Al-Uthmani* dikenali juga sebagai *al-Rasm al-Istilahi*, manakala *al-Qiyasi* dinamakan *al-Rasm al-Imla'i*.
- *Al-Uthmani* bersifat *tauqifi*, manakala *al-Qiyasi* bersifat *ijtihadi*.

## BAHAGIAN C: *Dhabt al-Quran dan al-Fawasil*

### Soalan 8

Soalan 8(a), calon diminta menerangkan bentuk *tasydid* yang digunakan kini. Sebahagian calon memberi jawapan yang betul, manakala sebilangan kecil keliru atau tidak menghuraikan jawapan tersebut. Jawapan sepatutnya ialah tanda *tasydid* berbentuk kepala huruf *syin* tanpa titik (ّ), diambil daripada perkataan (شديد) yang bermaksud bersangatan. Tanda ini diletakkan di atas huruf yang *bertasydid*.

Soalan 8(b), calon diminta menjelaskan tiga perbandingan antara *nuqat al-I'rab* dan *nuqat al-I'jam*. Majoriti calon menjawab dengan baik, namun ada yang hanya menyatakan perbezaan tanpa persamaan.



Jawapan sepatutnya:

Persamaan	Perbezaan
Kedua-duanya diletakkan oleh ulama bagi mengelak kesalahan bacaan al-Quran.	<i>Nuqat al-I'rab</i> berkaitan baris ( <i>fathah, kasrah, dhammah</i> ), manakala <i>nuqat al-I'jam</i> berkaitan titik huruf ( <i>ba, ta,</i> ).
Kedua-duanya diletakkan pada zaman <i>tabi'in</i> (Bani Umayyah).	Sebahagian <i>nuqat al-I'rab</i> berkaitan hukum tajwid, sedangkan <i>nuqat al-I'jam</i> tidak berkaitan dengan hukum tajwid.

### Soalan 9

Soalan 9(a) meminta calon memberikan maksud *al-Fawasil* dari sudut bahasa. Walaupun kebanyakan calon dapat menjawab dengan betul, masih ada yang keliru dan memberikan maksud seperti “*kepala ayat*”. Soalan 9(b) menghendaki calon membincangkan tanda-tanda *al-Fawasil* yang hanya muncul pada zaman *tabi'in*. Soalan ini sukar bagi kebanyakan calon, namun ada yang dapat menjawab dengan merujuk keperluan peletakan tanda pada zaman selepas sahabat.

### Soalan 10

Soalan 10(a) meminta calon memberikan maksud ulama *al-Adad*. Majoriti calon memberikan jawapan yang tepat, iaitu ulama yang mengira bilangan ayat al-Quran. Soalan 10(b) meminta nama ulama *al-Adad* yang diamalkan di Malaysia. Prestasi calon baik, namun ada yang tersilap menyebut nama sandaran. Soalan 10(c) meminta dua tokoh ulama *al-Adad* al-Syami dan jumlah ayat al-Quran menurut mereka. Ramai calon dapat menjawab dengan betul, tetapi ada yang keliru antara nama dan bilangan ayat yang dinisbahkan.

### PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 169 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 84.02% daripadanya telah lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	28.99	8.28	7.10	7.69	14.20	5.92	11.84	1.77	2.96	2.96	8.28

### RESPONS CALON

#### *Komen am*

Pencapaian keseluruhan menunjukkan majoriti calon berada pada tahap markah yang sederhana. Calon yang menguasai fakta dengan baik mampu menjawab soalan yang dikemukakan. Namun, bagi Bahagian A, iaitu Hifz al-Quran, khususnya soalan 1 yang menuntut calon mengingati ayat hafazan pada awal muka surat, hanya calon yang benar-benar cemerlang dapat memberikan jawapan yang tepat. Calon seperti ini berupaya memperoleh markah yang lebih tinggi berbanding calon lain.

#### *Komen soalan demi soalan*

#### **BAHAGIAN A: Hifz al-Quran**

##### **Soalan 1**

Soalan 1(a) menghendaki calon menulis ayat 1 dan 2 daripada surah Muhammad. Sebahagian besar calon kategori sederhana dan cemerlang dapat memberikan jawapan yang tepat. Namun, terdapat calon yang menulis separuh ayat sahaja atau menyambung ayat daripada surah yang lain, menyebabkan markah calon terjejas. Soalan 1(b) ini memerlukan calon menyempurnakan ayat 33 dan 34 daripada surah Muhammad. Hanya sebilangan kecil calon berjaya menjawab dengan lengkap. Kebanyakan calon gagal menyambung ayat dengan tepat, berkemungkinan disebabkan kelemahan hafazan atau tidak menguasai ayat berkenaan.

##### **Soalan 2**

Soalan 2(a) meminta calon menyempurnakan ayat 31 hingga 35 daripada surah al-Zariyat. Kebanyakan calon menjawab dengan baik, khususnya calon kategori sederhana dan cemerlang. Namun, masih terdapat kesilapan dalam penulisan dan kekurangan pada sambungan ayat bagi segelintir calon. Soalan 2(b) menghendaki calon menyambung ayat 75 hingga 82 daripada surah al-Waqi'ah. Umumnya, calon dapat menyambung ayat dengan betul. Namun begitu, terdapat juga calon yang menyambung ayat daripada surah yang lain. Ini menunjukkan kekeliruan dalam hafazan.

### Soalan 3

Soalan 3(a) calon perlu menulis ayat pertama surah al-Mujadalah. Soalan ini kurang mendapat sambutan kerana kedudukan surah yang kurang mesra hafazan. Walaupun begitu, beberapa calon berjaya memberikan jawapan yang tepat. Soalan 3(b) meminta calon menyempurnakan ayat 7 dan ayat 8 daripada surah al-Mumtahanah. Soalan ini juga kurang dijawab, namun segelintir calon menunjukkan penguasaan hafazan yang baik.

### Soalan 4

Soalan 4(a), calon diminta menyambung ayat 33 hingga 37 daripada surah al-Nazi'at. Secara keseluruhan, prestasi calon memuaskan. Namun, ada calon yang tersilap menyambung ayat daripada surah yang lain. Soalan 4(c), calon perlu menyempurnakan ayat 10 hingga 15 daripada surah al-Fajr. Kebanyakan calon menjawab dengan baik, tetapi masih terdapat calon yang membuat banyak kesalahan ejaan dan sambungan ayat.

## BAHAGIAN B: *Ulum al-Quran*

### Soalan 5

Soalan 5(a), calon diminta memberikan dalil *naqli* dan *aqli* berkenaan kewujudan *nasakh* dalam al-Quran. Kebanyakan calon dapat menyatakan dalil *naqli* dengan baik seperti dalam surah al-Baqarah, ayat 106. Namun, ramai calon gagal menghuraikan dalil *aqli* mengikut kehendak soalan. Jawapan yang tepat ialah *nasakh* berlaku atas hikmah dan kuasa Allah dalam menentukan syariat. Soalan 5(b), calon diminta menjelaskan tiga kaedah mengenal pasti *al-Nasikh* dan *al-Mansukh*. Umumnya, calon dapat memberikan jawapan yang betul seperti berpandukan kepada sumber Nabi SAW, *ijma'* ulama, serta mengetahui tertib penurunan ayat. Prestasi calon dalam soalan ini adalah memuaskan.

### Soalan 6

Soalan 6(a), calon perlu menjelaskan status riwayat asbab *al-Nuzul* yang diriwayatkan oleh seorang sahabat. Sebahagian besar calon menjawab dengan betul bahawa riwayat tersebut boleh diterima walaupun tidak disokong oleh riwayat yang lain, selagi ia daripada sahabat. Soalan 6(b) menghendaki penjelasan status riwayat asbab *al-Nuzul* yang berbentuk hadis *mursal*. Ramai calon tidak dapat menjawab dengan tepat. Calon sepatutnya menjelaskan hadis *mursal* ialah hadis yang sanadnya terputus di peringkat sahabat, dan hanya diterima jika disokong oleh sanad sahih dan perawi yang *thiqah*.

### Soalan 7

Soalan 7(a) menilai kefahaman calon terhadap definisi lafaz *mutasyabihat al-Alfaz mufrad*. Kebanyakan calon menjawab dengan baik, iaitu dinyatakan bahawa ia merujuk lafaz-lafaz tunggal yang serupa pada sebahagian atau keseluruhan, namun berbeza pada tempat yang lain. Soalan 7(b)(i) calon diminta memberikan contoh ayat-ayat yang mengandungi dua atau lebih perkataan yang hampir sama dalam satu ayat. Calon memberikan pelbagai contoh yang betul seperti dalam surah al-Baqarah, ayat 35 dan ayat 58. Secara umum, prestasi calon dalam soalan ini memuaskan. Soalan 7(b)(ii) meminta contoh ayat yang bermula dengan lafaz yang sama tetapi berakhir dengan lafaz yang berbeza. Ramai calon dapat memberikan contoh yang betul seperti dalam surah al-Baqarah, ayat 16 dan ayat 17.

### Soalan 8

Soalan 8(a) calon perlu menyatakan empat kabilah Arab yang termasuk dalam *sab'ah ahruf*. Kebanyakan calon menjawab dengan betul seperti Quraisy, Tamim, Huzail, dan Hawazin. Soalan ini dianggap mudah dan telah dikuasai oleh ramai calon. Soalan 8(b) menghendaki calon menghuraikan hikmah penurunan al-Quran dalam *sab'ah ahruf* beserta dengan contoh. Prestasi calon agak baik kerana kebanyakan mereka menguasai tajuk ini dan dapat memberi contoh perbezaan bacaan seperti *isbat* dan *hazaf*.

### Soalan 9

Soalan 9(a) menguji pemahaman tentang perbezaan bacaan dan maksud dalam satu kalimah. Kebanyakan calon gagal memberikan jawapan dengan tepat. Hanya sebahagian kecil yang berjaya menunjukkan perbezaan seperti bacaan *takhfif* dan *musaqqa*l serta kaitan dengan *hukum fiqh*. Soalan 9(b), calon perlu menjelaskan *ikhtilaf* pada *i'rab* kalimah dan harakat beserta dengan contoh. Sebilangan besar calon menjawab dengan tepat, iaitu menyatakan contoh seperti perbezaan bacaan *fathah* dan *kasrah* pada huruf *lam* yang membawa maksud berlainan.



# LAPORAN PEPERIKSAAN **STPM** 2024



**PENERBITAN  
PELANGI** SDN. BHD.  
(198201009396)

WISMA PELANGI

Lot 8, Jalan P10/10, Kawasan Perusahaan Bangi,  
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia.

T: +603-8922 3993 E: customerservice@pelangibooks.com



**Majlis Peperiksaan Malaysia**

Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,  
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-6126 1600 Faks: 03-6136 1488

E-mel: ppa[at]mpm.edu.my